



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

**Presiden**  
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

**Timbalan Presiden**  
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

**Naib Presiden**  
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBADILLAH B. IMAN

**Setiausaha Kehormat**  
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Bendahari Kehormat**  
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

**Penolong Bendahari**  
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN  
TUDM(B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

**Juruaudit Dalam**  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur**  
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

**Pengerusi Zon Selangor**  
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

**Pengerusi Zon Johor**  
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

**Pengerusi Zon Perak**  
ZAITON BT MOHD NUSI

**Pengerusi Zon Kelantan**  
AFENDI BIN MUKHTAR

**Pengerusi Zon Pahang**  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Zon Pulau Pinang**  
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

**Pengerusi Zon Kedah & Perlis**  
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

**Pengerusi Zon Melaka**  
DATO' GAN PENG LAM

**Pengerusi Zon Negeri Sembilan**  
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

**Pengerusi Zon Sabah**  
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

**Pengerusi Zon Sarawak**  
SHAHARUDDIN B. SAMSI

**Sekretariat**

**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(56)

24 DISEMBER 2021

## **SEMUA AHLI PIKM** (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT EDARAN PIKM KE-56/2021:** **PERUNTUKAN BANTUAN KECEMASAN PIKM BAGI MEMBANTU MANGSA BANJIR**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Ahli Jawatankuasa PIKM mengambil maklum berhubung ahli Persatuan serta kakitangan yang terkesan dengan bencana banjir yang melanda negara pada hujung minggu lepas iaitu sekitar 17 hingga 19 Disember 2021. PIKM menzahirkan rasa simpati ke atas ahli yang terlibat, terutama kakitangan dan pegawai keselamatan yang terjejas teruk akibat musibah tersebut.

3. Berhubung itu, Ahli Jawatankuasa Tertinggi PIKM telah bersetuju melaksanakan bantuan kecemasan segera khusus kepada warga kerja industri keselamatan yang terkesan melalui inisiatif seperti berikut:

#### **3.1 Bantuan Kecemasan Segera berjumlah RM30,000.00 daripada Tabung Kebajikan PIKM**

Pada 20 Disember 2021, sejumlah RM5,000.00 daripada dana tersebut telah digunakan bagi kos penyediaan makanan buat mangsa-mangsa banjir di Meru, Klang;

#### **3.2 Tabung Bantuan Mangsa Banjir**

Menerusi perbincangan AJK dan Ahli-ahli di dalam saluran rasmi Whatsapp Group PIKM, telah **dicadangkan untuk PIKM menyediakan kutipan derma semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-28 (MAT)**. Selaras itu, PIKM akan melancarkan "**Tabung Bantuan Mangsa Banjir**" untuk mengumpul sumbangan daripada kesemua perwakilan yang hadir ke MAT Ke-28. Hasil daripada kutipan sumbangan tersebut akan digabungkan bersama baki dana berjumlah RM25,000.00 seperti yang dijelaskan pada perenggan 3.1.

4. Selaras itu, Ahli-ahli PIKM diminta untuk memajukan butiran warga kerja masing-masing yang terkesan teruk akibat banjir yang berlaku bagi tujuan penyaluran dana bantuan. Bergantung kepada maklumat yang akan diperolehi kelak, PIKM mensasarkan penyaluran dana kepada dua kategori musibah seperti berikut:

**4.1 Kehilangan / Kerosakan tempat tinggal; dan**

**4.2 Kehilangan nyawa / kemalangan ahli keluarga yang tinggal bersama.**

5. Syarikat boleh mengemukakan permohonan melalui surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (*letterhead*) syarikat kepada Sekretariat PIKM melalui emel [info@pikm.my](mailto:info@pikm.my) (dengan tajuk "**Permohonan Bantuan Banjir PIKM**"). Antara butiran yang diperlukan adalah seperti berikut:

**5.1 Nama penuh berserta Nombor Kad Pengenalan / Nombor Passport (pengawal keselamatan Nepal);**

**5.2 Jumlah ahli keluarga (isteri atau suami dan anak);**


**5.3 Gambar tempat tinggal yang terkesan, gambar-gambar berkaitan dan dokumen lain sebagai bukti bencana banjir.**

(Nota: Memandangkan pengumpulan maklumat dijangka mengambil masa, sila kemukakan keperluan tersebut **pada atau sebelum 31 Disember 2021**).

6. PIKM mensasarkan bantuan menyeluruh kepada semua pemohon yang terjejas, akibat musibah banjir yang melanda. Justeru, kerjasama lanjut dari kesemua Ahli PIKM adalah diharapkan.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF  
PRESIDEN**